




**PANDUAN RINGKAS UNTUK**  
**Memasang Nokia**  
**Connectivity Cable Drivers**

**NOKIA**

# Kandungan

- 1. Pengenalan ..... 1
- 2. Mesti ada..... 1
- 3. Memasang Nokia Connectivity Cable Drivers ..... 2
  - 3.1 Sebelum memasang.....2
  - 3.2 Memasang Nokia Connectivity Cable Drivers .....2
- 4. Penyelesaian masalah ..... 3
- 5. Nota Keselamatan ..... 6



## 1. PENGENALAN

---

Panduan ini menyediakan arahan mengenai cara untuk memasang Nokia Connectivity Cable Drivers untuk kabel USB DKU-2, CA-53, CA-70, DKE-2 dan CA-101, dan untuk kabel siri CA-42. Pemacu diperlukan jika anda hendak menyambung telefon bimbit Nokia kepada PC.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai kabel untuk digunakan dengan model telefon anda, lihat panduan pengguna telefon.



**Nota:** Pemacu sentiasa dipasang untuk model telefon yang tertentu, bukan untuk kabel. Atas sebab ini versi yang lebih lama Connectivity Cable Drivers mungkin tidak menyokong model telefon yang terbaru.



**Nota:** Sentiasa pastikan bahawa anda menggunakan kabel Nokia yang tulen dengan Nokia PC Suite untuk memastikan agar aplikasi PC Suite berfungsi dengan lebih terjamin. Periksa pelabelan pada kabel anda.

## 2. MESTI ADA

---

Untuk memasang Nokia Connectivity Cable Drivers pada komputer anda, anda mesti mempunyai:

- Sekurang-kurangnya ruang bebas cakera sebanyak 30 MB
- Salah satu daripada sistem pengendalian yang berikut:
  - Windows Vista edisi 32-bit dan 64-bit
  - Windows XP Professional edisi x64 (Service Pack 2)
  - Windows XP (Professional atau Home Edition) (Service Pack 2 atau terkini)
- Port USB yang tersedia untuk menyambung kabel

Muat turun Windows SP boleh didapati dari laman web Microsoft yang berikut:

- Untuk Windows XP (Professional atau Home Edition):  
<http://www.microsoft.com/windowsXP/downloads/default.msp>
- Untuk Windows XP Professional edisi x64:  
<http://technet.microsoft.com/en-us/windowsserver/bb229701.aspx>

## 3. MEMASANG NOKIA CONNECTIVITY CABLE DRIVERS

---

### 3.1 Sebelum memasang

Jika anda mempunyai pemasangan Nokia Connectivity Cable Drivers yang terdahulu pada PC anda, anda mesti menyahpasangnya secara manual. Untuk melakukannya:

1. Klik **Mula > (Tetapan) > Panel Kawalan** untuk membuka Panel Kawalan.
2. Dwi klik **Tambah/Keluarkan Program**.  
Jika anda tidak dapat mencari Nokia Connectivity Cable Driver atau DKU-2 Cable Driver pada senarai, anda tidak mempunyai versi terdahulu yang terpasang dan anda boleh terus memasang Nokia Connectivity Cable Drivers.
3. Pilih Nokia Connectivity Cable Driver atau DKU-2 Cable Driver dari senarai dan klik **Tukar/Keluarkan program** untuk menyahpasangnya.

### 3.2 Memasang Nokia Connectivity Cable Drivers



**Nota:** Jangan sambung telefon kepada PC dengan kabel sehingga anda telah memasang Nokia Connectivity Cable Drivers.

1. Untuk memasangkan Nokia Connectivity Cable Drivers, pergi ke laman web Sokongan Produk Nokia (Nokia Product Support) di <http://www.europe.nokia.com/nokia/0,8764,81912,00.html>, simpan fail pemasangan dari laman web pada komputer anda dan klik dua kali padanya. Pemasangan bermula.
2. Ikuti arahan-arahan pada skrin. Anda mungkin diminta memulakan semula komputer anda semasa atau selepas pemasangan.
3. Apabila pemasangan telah selesai (dan anda telah memulakan semula komputer jika diminta berbuat demikian) sambung kabel di antara telefon dan PC anda.
4. Windows akan mula mencari beberapa peranti perkakasan baru yang diperlukan oleh telefon anda dan kabelnya. Ini mungkin mengambil masa beberapa minit. Suatu makluman akan dipaparkan apabila pemasangan telah sedia.

## 4. PENYELESAIAN MASALAH

---

Untuk lebih banyak maklumat menyelsai masalah, pergi ke laman web Nokia PC Suite [www.nokia.com/pcsuite](http://www.nokia.com/pcsuite) dan pilih **Search & solve** (Cari dan selesai).


### **Sambungan tidak bermula**

Untuk mewujudkan semula sambungan, lakukan yang berikut:

- Pastikan telefon anda menyokong kabel tersebut: lihat panduan pengguna telefon.
- But semula telefon dan PC anda dan kemudian cuba lagi untuk mewujudkan semula sambungan.
- Jika anda mempunyai peranti yang disambungkan dengan PC, cabut peranti itu dari PC dan kemudian cuba lagi untuk mewujudkan semula sambungan. Periksa bahawa anda tidak mencabut sambungan tetikus atau papan kekunci.
- Pastikan bahawa jenis sambungan aktif dalam Nokia Connection Manager: **Mula > (Tetapan) Panel Kawalan > Nokia Connection Manager**. Untuk CA-42 jenis yang dipilih hendaklah “Kabel siri” dan untuk DKU-2, CA-53, CA-70, DKE-2 dan CA-101 jenisnya mesti “USB”.
- Jika anda menggunakan kabel CA-42 pastikan port COM yang betul ditetapkan dalam Nokia Connection Manager: **Mula > (Tetapan) Panel Kawalan > Nokia Connection Manager > Tatarajah**

Jika semua di atas itu betul, sahkan bahawa pemasangannya telah berjaya. Untuk melakukannya:


1. Sambung telefon anda kepada PC dengan kabelnya dan tunggu sehingga Windows telah menemui semua perkakas barunya.
2. Pergi ke **Panel Kawalan > Sistem > Perkakas > Pengurus Peranti...** (Jika anda menggunakan Windows XP, gunakan Paparan Klasik Panel Kawalan.)
3. Klik **Peranti Komunikasi Wayarles**. Jika peranti Nokia disenaraikan tanpa tanda seru bersebelahan dengan ikon, pemasangannya telah berjaya. Senarainya hendaklah merangkumi peranti seperti “Nokia CA-42 USB Phone Parent”, atau “Nokia xxxx USB Phone Parent” (xxxx bermaksud nombor model empat-angka telefon tersebut). Bilangan peranti yang tersenarai mungkin berbeza-beza mengikut model telefon.
4. Klik **Modem**. Jika “Nokia xxxx modem” (xxxx bermaksud nombor model empat angka telefon anda) tersenarai tanpa tanda seru bersebelahan dengan ikon tersebut, pemasangannya telah berjaya.



**Rajah 1. Pemasangan yang berjaya (xxxx bermaksud nombor model empat angka telefon anda)**

Ambil perhatian bahawa bilangan peranti yang tersenarai di bawah Peranti Komunikasi Wayarles mungkin berbeza-beza mengikut model telefon.

5. Jika peranti Nokia tidak tersenarai atau ia disenaraikan bersama tanda seru, pemasangan itu tidak setuju. Dalam hal sedemikian anda perlu menyahpasang pemacu, memulakan semula komputer dan pasang kembali pemacunya (lihat arahan pemasangan dalam dokumen ini).



**Rajah 2. Pemasangan tidak berjaya (xxxx bermaksud nombor model empat angka telefon anda)**

### **Konflik dengan perisian teknologi wayarles Bluetooth**


Banyak pemacu dan aplikasi yang digunakan oleh teknologi wayarles Bluetooth menguntukan beberapa port COM yang mungkin konflik dengan pemasangan DKU-2/CA-42/CA-53/CA-70/DKE-2/CA-101 installation. Jika anda mempunyai perisian sedemikian terpasang dan pemasangan pemacu tidak berjaya (lihat di atas untuk arahan mengenai cara untuk mengesahkan pemasangan), lakukan yang berikut:

1. Nyahpasang Nokia Connectivity Cable Drivers.
2. Nyahpasang mana-mana perisian teknologi wayarles Bluetooth menurut arahannya.

3. Pasang semula Nokia Connectivity Cable Drivers (lihat bahagian *Memasang Nokia Connectivity Cable Drivers* dalam dokumen ini untuk arahan terperinci) dan sahkan bahawa pemasangan diperlukan.
4. Pasang semula perisian teknologi wayarles Bluetooth.

**Saya memasang kabelnya semasa/sebelum pemasangan Nokia Connectivity Cable Drivers dan kini sambungannya tidak berfungsi.**

1. Sambung telefon anda ke PC.
2. Pergi ke **Panel Kawalan > Sistem > Pengurus Peranti...**
3. Klik **Peranti Komunikasi Wayarles.**
4. Keluarkan apa-apa peranti yang tidak diketahui (peranti yang mempunyai tanda soal atau tanda seru di sebelahnya): klik kanan peranti tersebut dan klik **Nyahpasang**, atau pilih peranti dan tekan Delete (Hapus) pada papan kekunci.



***Rajah 3. Peranti yang tidak diketahui (xxxx bermaksud nombor model empat angka telefon anda)***

5. Pastikan bahawa Nokia Connectivity Cable Drivers dipasang.
6. Cabut kabel dan kemudian pasangkannya semula.
7. Jika ini tidak membantu, pasang semula Nokia Connectivity Cable Drivers dan sambung semula kabel apabila pemasangan telah selesai.

## 5. NOTA KESELAMATAN

---



### **Nota-nota keselamatan penting**

Semua arahan keselamatan di dalam panduan pengguna telefon dan komputer anda juga diguna pakai apabila produk ini digunakan bersama telefon.

Jangan lupa membuat salinan sokongan bagi semua data penting untuk melindungi terhadap sebarang kemungkinan kehilangan atau perubahan.

Hanya pasang dan gunakan aplikasi dan perisian-perisian lain dari sumber yang menawarkan perlindungan yang mencukupi terhadap perisian yang berbahaya.

### **Notis Undang-Undang**

Hak cipta © 2003-2009 Nokia. Semua hak terpelihara.

Pengeluaran semula, pemindahan, pengedaran atau penyimpanan sebahagian atau kesemua kandungan dokumen ini dalam apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Nokia adalah dilarang.

Nokia dan Nokia Connecting People adalah tanda niaga yang didaftarkan bagi Nokia Corporation.

Bluetooth is a registered trademark of Bluetooth SIG, Inc.

Produk lain atau nama syarikat yang dinyatakan di sini adalah tanda niaga atau nama niaga pemilik-pemiliknya.

Maklumat ini adalah panduan yang ditulis untuk Nokia Connectivity Cable Drivers. Nokia menggunakan polisi pembangunan berterusan. Nokia mempunyai hak untuk membuat perubahan dan pembaikan kepada mana-mana produk yang dinyatakan dalam dokumen ini tanpa sebarang notis.

Dalam apa jua keadaan Nokia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan data atau pendapatan atau apa-apa kerosakan khusus, iringan, turutan atau secara tidak langsung yang berlaku.

Kandungan dokumen ini disediakan dalam keadaan "sedia ada". Kecuali seperti yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai, tidak ada sebarang bentuk jaminan, sama ada tersurat atau tersirat, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jaminan tersirat mengenai kebolehjualan dan kesesuaian bagi tujuan tertentu, dibuat berkaitan ketepatan, reliabiliti atau kandungan dokumen ini. Nokia mempunyai hak untuk mengubah semula dokumen ini atau menarik balik penggunaannya pada bila-bila masa tanpa notis awal.